



AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITM CPP)

E-BULETIN ACIS UITM CPP

LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU


Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTM CPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTM CPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTM CPP.

**EDISI
2024**



WAKAF ILMU

KAEDAH PELUPUSAN AL-QURAN DI MALAYSIA



Penulis: Ustazah Najwa Alyaa binti Abd Wakil
Pensyarah ACIS UiTM CPP

Adab dan Kaedah Pelupusan Al-Quran

Bukti daripada Sejarah penurunan al-Quran telah menunjukkan bahawa al-Quran itu adalah satu kitab mulia yang perlu dijaga dari semua sudut sehingga ke proses pelupusannya.

Maka, longgokan bahan hiasan atau kertas yang mengandungi ayat suci al-Quran mestilah dibuang atau dihapuskan dengan cara yang betul iaitu dengan kaedah yang telah ditetapkan oleh para ulama seperti dibakar, ditanam, dibasuh, dicarik dan menggunakan kaedah baharu berteknologi hijau iaitu penyahtintaan (*deinking*).

Justeru itu, setiap kaedah yang telah dibenarkan oleh para ulama tersebut hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama.

Menurut Universiti Sains Islam Malaysia (2023), garis panduan yang telah ditetapkan adalah merangkumi dari semua sudut iaitu dari pelaku yang melupuskan al-Quran sama ada berhadap besar atau kecil ketika melakukan proses tersebut, tempat dan persekitaran bagi pelupusan tersebut dijaga kebersihannya atau tidak bercampur dengan kitab selain al-Quran atau buku-buku agama yang mempunyai kalamullah dan sebagainya.

Di samping itu, terdapat dua kaedah pelupusan al-Quran yang telah ditetapkan oleh para ilmuwan Islam (Jabatan Agama Islam Selangor, 2023). Menurut pendapat mazhab Hanafi dan Hanbali perlulah digali tanah dan ditanam di dalamnya. Hal ini adalah menurut al-Haskafi menyebut bahawa Mushaf apabila berada pada keadaan yang mana kita tidak mampu membacanya lagi hendaklah digali tanah dan ditanam di dalamnya. Manakala menurut Mazhab Maliki dan Syafi'ie hendaklah dibakar al-Quran tersebut.

Hal ini berdasarkan daripada tindakan Saidina Uthman membakar mushaf yang ditulis dan perbuatan tersebut telah disaksikan oleh ramai sahabat dan tiada sesiapa pun yang mengingkari perbuatan tersebut. Maka, menurut Ibrahim (2023), pendapat yang tarjih adalah diharuskan kedua-dua kaedah ini kerana bermatlamat untuk memuliakan al-Quran atau mushaf.

Dua Kaedah Pelupusan Al-Quran dan Buku-Buku Agama di Malaysia

Terdapat dua proses pelupusan al-Quran dan buku-buku agama yang ada di Malaysia adalah kaedah klasik yang menggunakan proses pembakaran iaitu kaedah pembakaran sehingga menjadi abu. Serta ditanam di tempat yang tiada orang lalu atau dibuang di dalam dasar laut atau sungai dan kaedah kontemporari yang menggunakan proses pemisahan tinta (*deinking*) iaitu mengeluarkan dakwat serta bahan bukan gentian daripada kertas terpakai.

Muzakarah Fatwa Berkaitan Kaedah Klasik Secara Pembakaran

Justeru itu, muzakarah fatwa dalam penulisan Ibrahim (2023), telah menyimpulkan bagi kaedah pembakaran diharuskan penggunaannya apabila hendaklah dilupuskan dengan dibakar di tempat yang dikawal dan ditanam di tempat yang dikawal. Kerja-kerja pelupusan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada urus setia atau Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Pelupusan ini juga perlu dilakukan dengan cara tersembunyi demi mengelakkan salah faham orang ramai.

Selain itu, muzakarah fatwa juga turut mengeluarkan garis panduan bagi penggunaan kaedah pembakaran ini iaitu bagi bahan yang mengandungi ayat-ayat al-Quran yang dibakar hendaklah menyeluruh tanpa tertinggal mana-mana bahagian yang tidak terbakar.

Seterusnya, bahan-bahan atau debu yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran yang telah dibakar hendaklah dipastikan dikumpul supaya tidak ditiup angin atau bersepah.

Selain itu, bahan yang telah dibakar hendaklah ditanam pada tempat yang bersih atau tempat yang tidak dilalui orang atau dibuang ke dalam laut/Sungai yang mengalir airnya.

Di samping itu, kerja-kerja pembakaran hendaklah dikawal selia oleh pegawai Jabatan Agama atau pihak yang mahu melupuskan bahan-bahan tersebut.

Muzakarah Fatwa Berkaitan Kaedah Kontemporari Deinking

Muzakarah fatwa menyimpulkan bagi kaedah kontemporari yang digunakan dalam pelupusan al-Quran kini adalah dengan kaedah deinking iaitu proses mengeluarkan dakwat daripada kertas terpakai. Proses penyah tinta pertama kali diketahui pada tahun 1800-an dalam industri kitar semula kertas. Peringkat proses penyah tintaan secara amnya termasuk peringkat penguraian, pembersihan dan penapisan, penyingkiran dakwat, serta peringkat pencucian dan penebalan.

Muzakarah fatwa turut mengeluarkan beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi bagi penggunaan kaedah deinking tersebut dalam pelupusan al-Quran iaitu memastikan kesemua ayat al-Quran yang bertulis di atas setiap lembaran dipadam sehingga bersih terlebih dahulu.

Seterusnya, kertas kitar semula tersebut perlu dikhususkan penggunaannya pada cetakan al-Quran yang baharu atau kitab-kitab agama Islam sahaja.

Selain itu, tempat yang menjalankan kerja kitar semula kertas tersebut mestilah khusus untuk kitar semula kertas al-Quran Sahaja (Muhammad, 2021). Ini bagi memastikan tidak berlaku percampuran antara kertas yang dahulunya mungkin dituliskan padanya perkataan-perkataan yang lagha dengan kertas yang dahulunya dituliskan padanya ayat suci Allah SWT.

RUJUKAN

Jabatan Agama Islam Selangor. (2023). Pandangan syarak mengenai pengurusan pelupusan Al-Quran. Retrieved from Jabatan Agama Islam Selangor: <https://www.jais.gov.my/wp-content/uploads/2023/12/Pandangan-Syarak-Mengenai-Pengurusan-Pelupusan-Al-Quran.pdf>

Universiti Sains Islam Malaysia. (2023). Isu pelupusan bahan mengandungi ayat Al-Quran. Retrieved August, 2024, from USIM: [https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-khas-ramadhan-cat/5588-irsyad-fatwa-edisi-khas-ramadhan-siri-ke-228-persoalan-al-quran-diturunkan-pada-malam-nuzul-al-quran-atau-malam-lailatulqadar](https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/isu-pelupusan-bahan-mengandungi-ayat-al-quran/Ibrahim, M. F. (7 April, 2023). Irsyad fatwa edisi khas Ramadhan siri ke-228: Persoalan Al-Quran diturunkan pada malam Nuzul Al-Quran atau malam Lailatulqadar. Retrieved from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-khas-ramadhan-cat/5588-irsyad-fatwa-edisi-khas-ramadhan-siri-ke-228-persoalan-al-quran-diturunkan-pada-malam-nuzul-al-quran-atau-malam-lailatulqadar)

Muhammad, K. A. (2021). Kaedah pelupusan Al-Quran yang rosak mengikut perspektif hukum Islam. *Jurnal Pengajian Islam Kontemporari*, 15(1), 35-45.



اِنْبُوْا سَبِيْقِيْ تَكُوْنُوْا لَوَ كِيْ مَآرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

PENERBIT

Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG**



<https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95>



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



9 773030 665006

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.